

# Tidak boleh tangguh PRN kecuali darurat - PM

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD  
aimy.ahmad@mediamulia.com.my

**TANGKAK:** Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor yang ditetapkan pada 12 Mac ini oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak boleh ditangguhkan kecuali terdapat pengisytiharan darurat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob bagaimanapun berkata, darurat tidak mungkin diadakan tanpa sebab kukuh selain kerajaan tidak bercadang menyekat pergerakan rakyat sekali lagi.

Beliau berkata, darurat tidak boleh hanya melibatkan Johor bagi mengelak PRN jika mengambil kira jumlah kes Covid-19 yang tinggi kelmarin, sebaliknya ia melibatkan seluruh negara.

"Hanya ada satu sahaja yang membolehkan kita tangguh pilihan raya iaitu darurat. Apabila dewan dibubarkan, PRN ditetapkan (maka) kalau nak tangguh hanya dengan umum darurat.

"Tetapi saya percaya perkara ini tak akan berlaku sebab di Melaka sebelum ini pun



**ISMAIL Sabri Yaakob pada Program Ramah Mesra bersama Jentera Barisan Nasional Parlimen Ledang di Dewan Putra, Padang Lerek, Tangkak semalam.**

kes ada. Malah, Kementerian Kesihatan dan saya sendiri ada cakap bahawa kita terpaksa hidup bersama Covid-19 sebagai endemik sama seperti penyakit lain," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri program Ramah Mesra bersama Jentera

Barisan Nasional (BN) Parlimen Ledang di Dewan Putra, Padang Lerek, di sini.

Ismail Sabri yang juga Naib Presiden UMNO mengulas kenyataan Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH) yang menggesa kerajaan menangguhkan PRN Johor atau membenarkan

parti yang bertanding berkempen secara terbuka.

Majlis Presiden PH berkata, ia bagi memastikan tiada pihak menjadikan peningkatan kes Covid-19 sebagai alat bagi tujuan politik walaupun kes jangkitan harian menunjukkan trend peningkatan.